PERSATUAN LINGUISTIK MALAYSIA
Bahasa Sendi Tamadun Bangsa

http://jurnal.plm.org.my/

JURNAL LINGUISTIK Vol. 18(2) Disember.2014 (011-018)

Padanan Makna Kata Kerja *Ser* dan *Estar* Bahasa Sepanyol ke Bahasa Melayu: Satu Panduan Penulisan

Salina Husain
linahusain@upm.edu.my
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia

Abstrak
Makalah ini membincangkan tentang penggunaan kata kerja *Ser* dan *Estar* yang membawa makna 'ialah' dan 'adalah' dalam bahasa Melayu. Perbezaan kelas kata iaitu, kata kerja dalam bahasa Sepanyol dan kata pemeri dalam bahasa Melayu, memungkinkan wujudnya kekeliruan dalam penggunaan ayat. Penulis cuba untuk mengenal pasti bentuk kata kerja *Ser* dan *Estar* dan padanan maknanya dalam bahasa Melayu. Seterusnya penulis akan menganalisis padanan makna tersebut berdasarkan fungsi ayat dalam bahasa Sepanyol dan bahasa Melayu. Kajian konseptual ini berdasarkan kepada teori Relevans oleh Sperber and Wilson (1986 dan 1995). Perubahan kelas kata yang wujud ini disebabkan perbezaan fungsi ayat dalam penggunaan bahasa Sepanyol dan bahasa Melayu. Dalam usaha memperkasakan bahasa, kajian ini berperanan memantapkan lagi penggunaan tatabahasa agar penutur bahasa dalam kedua-dua bahasa tersebut dapat meminimumkan kesilapan mereka dalam pertuturan dan penulisan.

Kata kunci: kata kerja *Ser,* kata kerja *Estar,* padanan makna, perbezaan fungsi ayat

Abstract
This paper discusses the use of the verb Ser and Estar that means 'ialah' and 'adalah' in Malay. The existence of the different classes of words such as the verbs in Spanish and kata pemeri in Malay, will perhaps create the confusion in structuring the sentence. In this article, the writer will try to identify verb form of Ser and Estar and also compare the meaning in Malay. Following this, the writer will analyze the consistency in meaning based on the core meaning of a sentence in Spanish and Malay. This conceptual research is based on Relevant theory by Sperber and Wilson (1986 and 1995). The changes in word classes exist due to differences in the use of functional sentence in Spanish and Malay. In order to strengthen the language, this study serves to strengthen the use of grammar among speakers of both languages so that they can minimize their mistakes in speech and writing.

Keywords: verb Ser, verb Estar, comparisons of meaning, the differences of functional sentence

1. Pengenalan

Bahasa Sepanyol tergolong dalam kumpulan keluarga bahasa Latin dan bahas Italik (*Ensiklopedia Bahasa Utama Dunia*, 1998), manakala bahasa Melayu pula tergolong dalam keluarga bahasa Austronesia (*Ensiklopedia Bahasa Utama Dunia*, 1998). Disebabkan kedua-dua bahasa ini berada dalam kelompok keluarga bahasa yang berbeza, maka perbezaan ini turut mempengaruhi sistem tatabahasa kedua-dua bahasa ini. Sistem tatabahasa bahasa Melayu terdiri daripada subjek + predikat, sementara tatabahasa bahasa Sepanyol terdiri daripada subjek + kata kerja + objek + pelengkap. Oleh yang demikian jelas bahawa penggunaan kata kerja amat penting dalam bahasa Sepanyol kerana setiap unit ayat yang dihasilkan mestilah mengandungi kata kerja yang telah melalui proses konjugasi.

Proses konjugasi ini merupakan satu proses yang menggabungkan subjek dan kata kerja dalam satu perkataan. Hal ini menjadi perkara baharu kepada pelajar yang mempelajari bahasa Sepanyol, dan keadaan ini menyebabkan pelajar membuat kesilapan apabila menulis ayat dalam bahasa Sepanyol. Berbeza dengan bahasa Melayu, kata kerja yang digunakan tidak berubah bentuk.

Perbezaan sistem bahasa ini sedikit sebanyak mendatangkan kekeliruan kepada pelajar semasa proses pembelajaran. Menurut Lado (1957) apabila seseorang pelajar mempelajari bahasa asing, secara tidak langsung pelajar akan membawa masuk tabiat struktur bahasa ibunda ke dalam bahasa asing yang dipelajari. Kenyataan Lado (1957) ini dibuktikan dalam kajian ini melalui beberapa kesilapan yang dilakukan oleh pelajar semasa mempelajari bahasa Sepanyol. Pandangan Lado (1957) ini bertepatan dengan pandangan Henry Guntur (1988) yang menyatakan "kebanyakan kesukaran yang dihadapi oleh para pelajar ketika mempelajari bahasa kedua adalah berpunca daripada pengaruh bahasa ibunda". Hal ini disebabkan pelajar akan berfikir dalam bahasa ibunda dan menterjemahkan perkataan yang terkandung dalam fikirannya mengikut bahasa sasaran tanpa memikirkan kesilapan struktur dalam ayat yang terhasil.

2. Kajian Lepas

Terdapat beberapa kajian yang membincangkan tentang perbandingan dua bahasa yang melibatkan bahasa Sepanyol dengan bahasa lain selain daripada bahasa Melayu. Hal ini disebabkan kajian berkaitan dengan perbandingan bahasa Sepanyol dan bahasa Melayu sangat minimum. Menurut VanPatten (1987) dalam kajiannya mendapati bahawa pemerolehan kata kerja *Ser* dan *Estar* terbahagi kepada lima tahap berbeza, iaitu:

a) Ketiadaan kata kerja kopula
b) Hanya kata kerja *Ser* digunakan
c) *Estar* digunakan untuk merujuk perbuatan yang sedang dilakukan
d) *Estar* digunakan untuk menerangkan tentang kedudukan, dan
e) *Estar* digunakan untuk menerangkan tentang keadaan.

Dapatan kajian VanPatten (1987) itu telah dijadikan asas dalam kajian Ryan&Lafford (1992) yang melihat bagaimana pelajar menerima atau menolak kelima-lima tahap yang diperkenalkan oleh VanPatten (1987) dalam proses pembelajaran bahasa kedua. Bagi pelajar yang dapat menguasai tatabahasa bahasa Sepanyol dengan baik, pelajar ini dikatakan telah menerima kelima-lima tahap tersebut.

Kajian berkaitan dengan persamaan dan perbezaan kata kerja *estar* dapat dilihat melalui kajian yang dilakukan oleh Salina Husain (2011). Dalam kajian tersebut fungsi kata kerja *estar* masih lagi berperanan sebagai kata kerja dalam bahasa Melayu sekiranya menerangkan tentang tempat. Tetapi akan berubah fungsi dari kata kerja kepada kata pemeri 'ialah' atau 'adalah' dalam bahasa Melayu jika yang dirujuk itu berperanan menerangkan tentang keadaan.

Sementara itu kajian oleh Zalida Mohammad Nasir, Zaitul Azma Zainun Hamzah, Normahdiah Sheikh Said & Norizan Che Su (2013) menumpukan kepada tahap penguasaan tatabahasa Melayu dalam kalangan pelajar asing di Universiti Teknologi Malaysia. Hasil kajian tersebut mendapati bahawa tahap penguasaan pelajar asing tersebut masih lagi berada pada tahap sederhana disebabkan ketiadaan asas berkaitan dengan tatabahasa Melayu serta tidak mempelajari bahasa Melayu sebelum ini. Kesilapan yang dilakukan dapat dilihat melalui ayat yang tidak gramatis, kesalahan dalam tanda baca, ejaan, semantik dan struktur ayat.

Bagi Zainur Rijal Abdul Razak dan Mahmoud Mohammed Ali (2014), perbezaan yang wujud dalam kata kerja berimbuhan bahasa Melayu dan bahasa Arab sedikit sebanyak menghalang proses penterjemahan. Kita sedia maklum bahawa proses penterjemahan memerlukan penguasaan yang tepat dan menepati maksud dalam kedua-dua bahasa. Hasil kajian mendapati bahawa kesalahan pemahaman dalam imbuhan bahasa Arab disebabkan pengaruh bahasa Melayu yang berbeza yang menyebabkan pelajar tidak dapat memahami maksud dengan tepat.

3. Metodologi

Kajian ini bersifat konseptual dengan menggunakan teori Relevan oleh Sperber dan Wilson (1986 dan 1995) dalam mengupas permasalahan yang timbul iaitu mencari penyelesaian kepada kekeliruan pelajar berhubung dengan kata kerja *Ser* dan *Estar*. Penulis akan menghubungkaitkan bentuk kata kerja yang dikaji dalam kedua-dua bahasa untuk

mencari padanannya melalui rujukan teori yang digunakan. Pemilihan teori Relevan (Sperber dan Wilson, 1986 dan 1995) sebenarnya digunakan apabila makna asal yang terkandung dalam ujaran dikekalkan supaya mesej yang hendak disampaikan akan tetap sama dalam bahasa sasaran (Salina Husain, 2011). Kajian ini akan membincangkan objektif berkaitan tentang perbandingan padanan makna kata kerja bahasa Sepanyol ke dalam bahasa Melayu. Seterusnya penulis akan menganalisis fungsi kata kerja *ser* dan *estar* dalam bahasa Sepanyol dan bandingan dengan bahasa Melayu.

4. Analisis dan Perbincangan

Bentuk kata kerja *Ser* dan *Estar*

Kata kerja *ser* dan *estar* mempunyai bentuk konjugasi yang berbeza, tetapi berkongsi makna yang sama. Hal ini kerana kedua-dua kata kerja tersebut membawa makna 'akan menjadi'. Dalam bahasa Melayu, *ser* dan *estar* tidak lagi dirujuk sebagai kata kerja tetapi bertukar menjadi kata pemeri 'ialah' dan 'adalah'. Perbezaan fungsi kata inilah yang menyebabkan pelajar terkeliru dan kekeliruan ini boleh menjadi satu penghalang dalam usaha memperkasakan tatababahasa bahasa Melayu.

Konjugasi kata kerja yang terbentuk dalam bahasa Sepanyol boleh berdiri sendiri dan mempunyai makna. Manakala bentuk kata pemeri dalam bahasa Melayu memerlukan kehadiran perkataan lain untuk memberi makna kepada ayat yang terhasil. Jelas di sini perbezaan struktur ayat boleh menyebabkan timbul kekeliruan dalam kalangan pelajar untuk memahami bahasa Sepanyol dengan lebih mendalam. Kekeliruan yang timbul ini menyebabkan proses padanan makna ayat dalam kedua-dua bahasa menjadi tidak relevan kerana pelajar dengan mudah membuat kesilapan.

Berikut merupakan bentuk konjugasi kata kerja *ser* dan *estar* yang padanan maknanya dalam bahasa Melayu telah merubah fungsi kata tersebut. Manakala José Camacho (2012) menjelaskan pula bahawa *ser* dan *estar* sering mengalami pertindihan dalam konteks ayat disebabkan makna yang sama.

Jadual 1. Bentuk dan padanan konjugasi makna kata kerja *ser* dan *estar*

Kata Ganti Diri	***Ser***	***Estar***	**Makna Bahasa Melayu**
Saya *(Yo)*	*Soy*	*Estoy*	Saya ialah/saya adalah
Awak *(Tú)*	*Eres*	*Estás*	Awak ialah/awak adalah
Dia *(Él/ella)*	*Es*	*Está*	Dia ialah/dia adalah
Kami *(Nosotros)*	*Somos*	*Estamos*	Kami ialah/kami adalah
Awak semua *(vosotros)*	*Sois*	*Estáis*	Awak semua ialah/awak semua adalah
Mereka *(Ellos/ellas)*	*Son*	*Están*	Mereka ialah/mereka adalah

Menurut Nik Safiah Karim *et al.*, (2009) kata pemeri 'ialah' hadir di hadapan frasa nama dan kata pemeri 'adalah' di hadapan frasa adjektif dan kata sendi nama. Sementara kata kerja *ser* digunakan bagi menerangkan tentang fungsi subjek yang bersifat kekal, dan *estar* pula bagi menerangkan tentang fungsi subjek yang bersifat sementara (José Camacho, 2012). Dalam contoh berikut, contoh pertama menunjukkan bentuk ayat bersifat kekal, dan contoh kedua pula merujuk sifat ayat sementara. Namun kedua-dua ayat ini menggunakan kata adjektif yang sama.

(1)
(a) *Alejandro es agradable.* (Alejandro adalah menyenangkan.)
(b) *Alejandro está agradable.* (Alejandro adalah menyenangkan.)

(José Camacho, 2012)

Dalam ayat 1(a) kata adjektif *agradable* menunjukkan perwatakkan subjek yang kekal sifatnya, manakala dalam ayat 1(b) apabila *está* + *agradable* digunakan bersama-sama, secara langsung sifat *agradable* menjadi sifat sementara. Hal ini disebabkan salah satu kegunaan kata kerja *ser* menerangkan tentang perwatakan seseorang yang kekal sifatnya. Sementara kata kerja *estar* dilihat sebagai menerangkan sifat seseorang yang bersifat sementara. Jelas bahawa perbezaan fungsi kata kerja *ser* dan *estar* memberi makna yang berbeza dalam ayat yang terhasil.

Penulis boleh menambah kata nama *hoy* (hari ini) dihujung ayat 1(b) agar pembaca lebih jelas lagi akan penggunaan kedua-dua kata kerja ini. Namun jika dilihat pada terjemahan makna ayat bahasa Melayu, kedua-dua ayat 1(a) dan (b) menggunakan kata pemeri 'adalah' kerana hadir di hadapan kata sifat. Perbezaan seperti ini yang menyebabkan pelajar sering melakukan kesilapan kerana tidak dapat membezakan fungsi penggunaan kata kerja *ser* dan *estar*.

Selain itu, kata kerja *ser* juga digunakan bagi menerangkan tentang pekerjaan seseorang, masa, kewarganegaraan dan pemilikan.

(2)
(a) *Soy abogada.* (Saya seorang peguam.)
(b) *Son las tres y media de la tarde*. (Pukul 3.30 petang.)
(c) *Nosotros somos españoles*. (Kami ialah warganegara Sepanyol.)
(d) *Los libros son de Maria*. (Buku-buku itu kepunyaan Maria.)

Contoh ayat 2(a), (b), (c) dan (d) tersebut dengan jelas menunjukkan tidak berlakunya pertindihan fungsi kata kerja. Hal ini disebabkan ayat 2(a) menerangkan tentang pekerjaan seseorang, 2(b) menerangkan tentang waktu, 2(c) menerangkan tentang kewarganegaraan, dan 2(d) pula menerangkan tentang pemilikan.

Manakala kata kerja *estar* pula digunakan bagi menerangkan tentang keadaan yang bersifat sementara serta kedudukan seseorang atau tempat.

(3)
(a) *Estoy enfermo*. (Saya sakit.)
(b) *La universidad está en Kuala Lumpur*. (Universiti itu terletak di Kuala Lumpur.)

Jelas bahawa tidak berlaku pertindihan fungsi ayat sekiranya padanan makna kedua-dua kata kerja *ser* dan *estar* tidak menyentuh penggunaan kata pemeri 'ialah' dan 'adalah' dalam bahasa Melayu. Contoh ayat (1), (2) dan (3) dengan terang tidak menggunakan kata pemeri dan keadaan ini dilihat sebagai satu contoh baik untuk membuatkan pelajar memahami struktur ayat dalam kedua-dua bahasa.

Perbincangan *Ser* dan *Estar* dalam Penulisan.

Terdapat beberapa contoh ayat yang dibincangkan dalam kajian ini bagi menghuraikan fungsi kata kerja dan kata pemeri mengikut bahasa masing-masing. Contoh-contoh yang dibincangkan diperoleh melalui latihan pelajar yang diberikan di dalam kelas serta pembacaan yang dilakukan oleh penulis.

Bagi ayat;

(4) *Nicolás, estoy aburrido* (Nicolás, saya adalah bosan).

(Los Cinco Crayones, 2003)

Jika dilihat kepada bentuk konjugasi kata kerja *estoy*, maknanya merujuk kepada 'saya ialah' atau 'saya adalah'. Tetapi dalam ayat tersebut 'adalah' digunakan kerana hadir sebelum kata adjektif. Namun dalam konteks ayat dalam bahasa Melayu, penggunaan kata pemeri 'ialah' atau 'adalah' boleh ditiadakan. Hal ini kerana menurut Nik Safiah Karim *et al* (2009), penggunaan kata pemeri amat terbatas, dan sebenarnya kurang digalakkan dalam pembentukan ayat bahasa Melayu. Berlainan dalam bahasa Sepanyol konjugasi kata kerja *estoy* perlu hadir dalam ayat untuk memberi makna kepada ayat tersebut.

Padanan terjemahan ayat tersebut dalam bahasa Melayu boleh membawa makna 'saya rasa bosan' atau 'saya bosan'. Dalam hal ini, konteks makna memainkan peranan penting untuk mengekalkan makna sebenar kerana Teori Relevan yang digunakan dalam kajian ini mementingkan hubungan penutur dan pendengar (Salina Husain,

2011). Menurut Sperber dan Wilson (1986:123) relevan dikenal pasti sebagai satu perhubungan antara andaian dan konteks, tetapi tidak dijelaskan bagaimana konteks ditentukan.

Berlainan dengan ayat berikut;

(5) *¿Dónde están todos los crayones?*

(Los Cinco Crayones, 2003)

Berdasarkan ayat tersebut dapat dijelaskan bahawa pertindihan bentuk dan makna dapat dielakkan disebabkan salah satu fungsi kata kerja *estar* menerangkan tentang kedudukan tempat. Oleh yang demikian, dalam terjemahan bahasa Melayu kehadiran kata pemeri 'ialah' atau 'adalah' tidak dilibatkan. Makna bagi ayat tersebut membawa maksud 'Di mana semua krayon itu berada?' atau 'Di mana letaknya semua krayon itu?'. Kekeliruan dapat dielakkan kerana pelajar tidak perlu membuat pilihan untuk menggunakan kata pemeri 'ialah' atau 'adalah'. Hal ini secara tidak langsung dapat memantapkan struktur tatabahasa dalam bahasa Sepanyol dan bahasa Melayu ketika proses penulisan ayat dilakukan oleh pelajar.

Berbeza dengan contoh berikut, kekeliruan boleh berlaku sekiranya pelajar tidak dapat membezakan bentuk dan fungsi ayat tersebut.

(6)
(a) *El polo norte es frío*. (North Pole adalah sejuk.)
(b) *La carne está fría*. (Daging itu adalah sejuk.)

(José Camacho, 2012)

Bagi ayat 6(a) *El polo norte* merupakan satu kawasan yang sentiasa dilitupi dengan ais (http://en.wikipedia.org/wiki/North_Pole) dan fungsi kata adjektif *frío* pada ayat tersebut bersifat kekal kerana ia menggambarkan karektor kawasan tersebut. Manakala dalam ayat 6(b) kata adjektif *fría* hanya digunakan bagi menggambarkan keadaan daging tersebut yang telahpun bertukar dari suhu panas menjadi sejuk. Oleh yang demikian kata adjektif pada ayat 6(b) bersifat sementara sahaja, dan kerana itu ayat tersebut menggunakan kata kerja *estar (está)*. Kesilapan boleh berlaku sekiranya pelajar tidak tahu membezakan fungsi ayat tersebut kerana kedua-dua adjektif tersebut mengambarkan keadaan suhu sejuk (*frío)* dan apabila diterjemahkan kedua-dua ayat tersebut menggunakan kata pemeri 'adalah'. Walau bagaimanapun pelajar boleh membuat perubahan struktur ayat dalam bahasa Melayu, seperti:

(7)
(a) North Pole merupakan kawasan yang sejuk.
(b) Daging itu berasa sejuk.

(José Camacho, 2012)

Ayat sebegini lebih jelas dan lebih mencirikan struktur bahasa Melayu kerana terdiri daripada subjek + predikat yang bercirikan hukum DM (Diterang-menerang).

Perbincangan seterusnya melibatkan penambahan kata sendi nama pada kata kerja *ser* dan *estar* yang seringkali menyebabkan pelajar membuat kesilapan semasa menulis ayat.

(8)
(a) *El anillo es de oro*. (Cincin itu adalah dari emas.)
(b) *María está con una amiga*. (María adalah dengan seorang kawan.)
(c) *Este regalo es para José*. (Hadiah ini adalah untuk José.)

(José Camacho, 2012)

Ketiga-tiga ayat tersebut menggunakan konjugasi kata kerja *ser (es)* dan *estar (está)*, namun jika dilihat padanan makna dalam bahasa Melayu ayat 8(a), (b) dan (c) langsung tidak menunjukkan ayat tersebut merupakan ayat kata

kerja. Hal ini disebabkan dengan adanya penambahan kata sendi 'dari' (*de)*, 'dengan' *(con)* dan 'untuk' (*para),* ciri ayat tersebut berperanan sebagai ayat kenyataan sahaja. Dan penggunaan kata pemeri 'adalah' digunakan disebabkan kehadiran kata sendi dalam ketiga-tiga ayat bahasa Melayu tersebut. Namun kata pemeri 'adalah' boleh dihilangkan dalam contoh ayat bahasa Melayu kerana fungsinya tidak begitu memainkan peranan kerana dalam struktur ayat bahasa Melayu, pembentukan ayat terdiri daripada subjek + predikat sama ada predikat terdiri daripada kata kerja, kata nama, kata adjektif dan sebagainya. Oleh demikian ayat 8(a), (b) dan (c) tersebut boleh diolah menjadi seperti berikut;

(a) Cincin itu diperbuat daripada emas.
(b) María berada bersama-sama dengan seorang kawan.
(c) Hadiah ini (adalah) untuk José

Berbeza dengan ayat bahasa Sepanyol, peranan kata kerja dalam setiap ayat yang dibina amat penting kerana ayat bahasa Sepanyol harus terdiri daripada subjek + kata kerja + objek + pelengkap. Kerana itu dalam setiap ayat konjugasi kata kerja wajib digunakan. Oleh yang demikian dalam ayat 8(a), (b) dan (c) penggunaan konjugasi kata kerja *es* dan *está* harus digunakan bagi menggambarkan fungsi ayat tersebut sama ada menerangkan tentang keadaan, sifat kekal, tempat atau sebagainya.

Berdasarkan contoh-contoh ayat (1) hingga (8), jelaslah bahawa sistem pembentukan tatabahasa bagi bahasa Sepanyol dan bahasa Melayu sangat berbeza. Pelajar perlu mengetahui asas pembentukan ayat agar kesilapan dapat diminimumkan dalam kedua-dua bahasa.

Secara rumusannya penulis dapat menjelaskan beberapa aspek yang perlu diberi perhatian semasa menulis ayat.

(a) Penggunaan kata kerja yang betul mengikut konteks ayat

Jelaslah bahawa pelajar perlu bijak membuat pemilihan kata kerja *ser* dan *estar* semasa menulis ayat agar makna yang hendak disampaikan betul dari segi konteks ayat. Contoh pada ayat 7(a) dan (b) menjelaskan perbezaan makna dan fungsi ayat biarpun pemilihan kata adjektif merujuk kepada sifat yang sama. Jika pelajar salah menggunakan kata kerja *ser* dan *estar* maka ayat yang dihasilkan juga akan memberi makna yang kurang tepat. Kesilapan yang dilakukan pelajar menyebabkan ayat tersebut tidak dapat memenuhi fungsi konteks yang mementingkan kerelevenan makna sebagai memenuhi peraturan dalam Teori Relevan (Sperber dan Wilson: 1986&1995).

Contoh pada ayat 6 (b) jika ditukar konjugasi kata kerja menjadi *La carne es fría* (Daging itu adalah sejuk), jelas menerangkan kepada kita bahawa sifat daging itu selama-lamanya bersifat sejuk. Dari segi struktur tatabahasa, bentuk tersebut tidak dianggap salah dan boleh diterima, namun dari sudut kelogikan maknanya ia dianggap kurang logik dan kurang tepat. Hal ini kerana apabila kita membincangkan tentang sifat suhu, ianya tergolong dalam kumpulan kata sifat yang bersifat sementara kerana keadaannya yang boleh berubah-ubah. Kata sifat 'sejuk' dalam contoh ayat 6(b) merujuk kepada suhu panas yang bertukar menjadi sejuk. Tetapi dalam ayat 6(a) kata sifat 'sejuk' merujuk kepada keadaan yang kekal sifatnya kerana asal tempat tersebut merupakan kawasan yang beriklim sejuk. Jelas bahawa konteks sangat memainkan peranan dalam menghasilkan makna yang relevan.

Oleh sebab itu pelajar perlu memantapkan terlebih dahulu pengetahuan mereka dalam bahasa yang dipelajari supaya kesilapan kecil dapat dielakkan.Perbezaan makna dan fungsi kata kerja *Ser* dan *Estar* ini, dilihat sebagai satu kesukaran bagi pelajar untuk menterjemahkan dengan baik kata kerja dalam Bahasa Sepanyol atau dalam Bahasa Melayu. Oleh sebab itulah dalam Teori Relevan (Sperber dan Wilson, 1986 dan 1995) konteks sangat diutamakan kerana tanpa konteks, makna ayat yang diterjemahkan tidak dapat disampaikan kepada pendengar.

Kerelevanan ayat dalam kedua-dua bahasa sangat penting agar makna yang hendak disampaikan jelas dan tepat. Hal ini bermakna pelajar perlu memahami dan mempelajari struktur ayat bahasa Melayu dan bahasa Sepanyol secara seimbang agar kesilapan yang mudah dapat dielakkan. Pengaruh bahasa ibunda dalam bahasa yang disasarkan dapat dielakkan sekiranya pelajar dapat membezakan struktur kedua-dua bahasa dengan baik.

(b) Kesesuaian ayat mengikut struktur bahasa tersendiri

Jika dalam bahasa Sepanyol menitikberatkan penggunaan kata kerja dalam setiap ayatnya, lain pula bagi bahasa Melayu. Struktur bahasa Melayu boleh terdiri daripada subjek dan pelbagai jenis kelas kata pada bahagian predikat. Contoh dapat dilihat pada ayat 8 (a) melalui terjemahan makna kata pemeri 'adalah' digunakan bagi menjelaskan sifat cincin tersebut dari emas. Namun bukan semua ayat bahasa Melayu perlu mengekalkan penggunaan kata pemeri dan pendapat ini disokong oleh Nik Safiah Karim *et al* (2009) yang kurang menggalakan penggunaan kata pemeri dalam ayat bahasa Melayu.

Oleh yang demikian ayat 8(a) apabila diterjemah ke dalam bahasa Melayu, bentuknya perlu disesuaikan dengan struktur bahasa Melayu, dan kata pemeri ditiadakan agar makna yang hendak disampaikan akan lebih menepati makna asal dalam bahasa Sepanyol seperti yang ditekankan dalam Teori Relevan (Sperber dan Wilson, 1986 dan 1995). Terjemahan yang dilakukan perlu mengikut tatabahasa dalam bahasa yang disasarkan. Contoh ayat 8(a) jelas menerangkan bahawa tidak semua konjugasi kata kerja bahasa Sepanyol harus dikekalkan menjadi kata kerja. Pelajar perlu pandai berfikir mencari padanan makna yang sesuai mengikut struktur tatabahasa itu sendiri.

Mengikut Teori Relevan (Sperber dan Wilson, 1986 dan 1995) konteks sangat dititiberatkan agar makna yang hendak disampaikan relevan dengan struktur ayat dalam bahasa sasaran. Oleh sebab itu makna pada ayat 8(a) boleh diubahsuaikan mengikut struktur bahasa Melayu agar konteks ayat tersebut menjadi relevan dan bermakna. Keadaan inilah yang kurang diberi perhatian oleh pelajar sehinggakan mereka membuat kesilapan dalam pemilihan kelas kata.

(c) Kerelevenan makna berdasarkan padanan terjemahan

Dalam memantapkan dan memperkasakan tatabahasa bahasa Sepanyol dan bahasa Melayu, pelajar perlu memahami dan menguasai struktur kedua-dua bahasa tersebut agar makna yang hendak disampaikan sama seperti makna asal. Contoh yang jelas pada ayat 6(a) dan (b) yang menjelaskan sifat kekal dan sementara melalui penggunaan konjugasi kata kerja dalam bahasa Sepanyol. Jika pelajar salah memilih penggunaan kata kerja ini, secara lansung kerelevenan makna yang hendak diterjemahkan dalam bahasa Melayu juga tidak tepat.

Perbezaan sebegini selalunya akan menyebabkan wujudnya kesilapan dalam ayat yang dihasilkan. Kesilapan dapat dielakkan sekiranya pelajar jelas memahami sistem kedua-dua bahasa tersebut, kerana dalam membuat terjemahan, aspek budaya dan linguistik perlu dititikberatkan agar makna sebenar dapat dikekalkan dalam bahasa sasaran. Lefevere (dalam Petrocchi, 2006) menyatakan bahawa apabila seseorang pelajar menterjemah, tanpa disedari dia akan melakukan tiga perkara iaitu menganalisis, memindah dan menstrukturkan semula. Proses ini dapat membantu pelajar memahami struktur ayat dengan mudah. Pandangan tersebut jelas menerangkan bahawa pelajar perlu menstrukturkan semula ayat yang diterjemah agar makna yang terhasil sama seperti makna asal.

5. Kesimpulan

Melalui perbincangan yang dibuat oleh penulis, jelas bahawa pelajar perlu menguasai aspek tatabahasa kedua-dua bahasa tersebut kerana struktur ayat yang berbeza disebabkan latar belakang keluarga bahasa yang berbeza. Perbezaan makna dan bentuk ini walau bagaimanapun dapat diatasi setelah penulis menumpukan juga pendekatan kerelevenan dalam perbincangan ini sebagai satu cara mengatasi kekeliruan yang timbul. Apabila berlaku perbezaan bentuk dan fungsi perkataan antara bahasa Melayu dan bahasa Sepanyol, kekerapan untuk pelajar melakukan kesilapan sangat besar disebabkan kegagalan untuk menguasai kedua-dua bahasa dengan baik sehingga menjejaskan makna yang hendak diterjemahkan. Keadaan ini dikaitkan dengan fenomena (perbandingan) berdasarkan kenyataan Sperber dan Wilson (1986:153) yang mengatakan bahawa:

"*A phenomena is relevant to an individual to the extent that the contextual effects achieved when it is optimally processed are large".*

Jelas di sini bahawa tahap kognitif pelajar berhubung kait dengan tahap pemahaman konteks digunakan kerana relevannya sesuatu ujaran itu bergantung pada kesan konteks digunakan bagi mencapai kesan kognitif. Kesan kognitif ini dilihat sebagai tahap pemikiran pelajar memahami dan menguasai bahasa Melayu dan bahasa Sepanyol dengan baik. Pelajar perlu bijak mencari padanan ayat dalam setiap terjemahan yang dibuat terutama dalam penulisan agar makna yang terhasil memenuhi konteks ujaran yang sama seperti teks asal.

Rujukan

Dewan Bahasa dan Pustaka (1998). *Ensiklopedia Bahasa Utama Dunia*. Kuala Lumpur.
Dewan Bahasa dan Pustaka (2007) *Kamus Dewan* (edisi keempat). Kuala Lumpur.
Henry Guntur Tarigan. (1988). *Pengajaran Pemerolehan Bahasa*. Bandung: Penerbit Angkasa
José Camacho, 2012. Ser and Estar: The Individual/Stage-level Distinction and Aspectual Predication in *The Handbook of Hispanic Linguistics*. 453-475. UK: Wiley-Blackwell Publishing Ltd.
Lado, R. (1957). *Linguistics across cultures: applied linguistics for language teacher.* United States of America: University of Chicago Press.
Lefevere A. (1992). *Translation, Rewriting and the manipulation of Literary Fame.* London: Routledge.
Los cinco crayones, 2003. USA: Berlitz Publishing
Nik Safiah Karim *et al.* (2009). *Tatabahasa Dewan*. Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
Petrocchi, V. (2006). Translation as an Aid. *Translation Journal*. Volume 10, number 4.
Ryan, J. M and Lafford, B. A. (1992). Acquisition of Lexical Meaning in a Study Abroad Environment: Ser and Estar and the Granada Experience. *Hispania*. Volume 75, number 3.
Salina Husain, 2011. Kata Kerja Estar dan Bandingannya dengan Bahasa Melayu dalam *Lingua 3*. 248-256. Selangor:UPM.
Salina Husain, 2011. *Penggunaan Konjugasi Kata Kerja Bahasa Sepanyol dan Perbandingannya dengan Bahasa Melayu*. Tesis PhD., Universiti Putra Malaysia, Selangor.
Sperber, D and Wilson. (1986, 1995). *Relevance Theory*: Communication and Cognition. Oxford: Basil Balckwell.
VanPatten, B. (1987). *Classroom Learners' Acquisition of Ser and Estar: Accounting for Developmental Patterns.* Bill VanPatten, Trisha R. Dvorak, and James F. Lee, eds. Foreign Language Learning: A Research Perspective. Cambridge: Newbury House.
Zaliza Mohamad Nasir, Zaitul Azma Zainun Hamzah, Normahdiah Sheikh Said & Norizan Che Su (2013). Penguasaan Tatabahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar di Universiti Teknologi Malaysia. *Jurnal Linguistik* 17(2): 84-90.
Zainur Rijal Abdul Razak & Mahmoud Mohammed Ali (2014). Perbezaan di antara Kata Kerja Berimbuhan dalam Bahasa Arab dan Bahasa Melayu. *Jurnal Linguistik* 18(1): 35-47.
(http://en.wikipedia.org/wiki/North_Pole) Wikipedia, 13/11/2013